

13 SEP 1997

LAPORAN MINGGUAN SAHAM KL

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Pengambilan untung yang berpanjangan memberi laluan kepada pembelian semasa saham berharga murah yang membawa Bursa Saham Kuala Lumpur kepada penutup lebih kukuh minggu ini dengan pemulihan berlanjutan dijangka minggu depan.

Lonjakan mendadak lebih 200 mata dalam cuma dua hari dagangan selepas kerajaan membatalkan taraf saham-saham bertanda di dalam 100 saham komponen Indeks Komposit pada 4 Sept, mendorong pembedahan kukuh minggu ini dengan pasaran disokong dengan baik di atas paras 800 mata.

Indeks Komposit 100 saham bermutu melonjak 30.49 mata kepada 852.08, Indeks Emas seluruh saham untung 11.70 mata kepada 242.88, Indeks Papan Kedua melonjak 44.90 mata kepada 445.91 manakala Indeks Perusahaan naik 89.82 mata kepada 1,747.40.

Para penganalisis yakin pasaran akan melepasi paras 880 mata minggu depan untuk aliran meningkat yang lebih meyakinkan.

Sementara itu, minggu ini menyaksikan pengambilan untung menjejaskan harga bagi kebanyakan hari urusan tetapi para penganalisis dan peniaga adalah yang paling kurang bimbang berkata bahawa pengambilan untung adalah wajar kerana para pelabur cuba mengurangkan kerugian baru-baru ini.

Saham-saham untung di dalam saham kewangan dan saham mewah kebelakangan ini muncul sebagai saham rugi paling teruk dalam aktiviti pengambilan untung dan penjualan paksaan yang cergas.

Para penganalisis berkata "tiada sebab untuk terkejut, tiada kebimbangan tiada panik" kerana para pelabur sedang cuba menutup akaun pegangan terbuka mereka.

Dana-dana asing berhati-hati berurusan secara memilih kerana mereka bimbang terhadap gambaran makro-ekonomi negara terutamanya mengenai defisit akaun semasa (CAD).

Sementara itu Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata Rabu lalu ketika mengumumkan bahawa perbelanjaan kerajaan akan dikurangkan dua peratus, bahawa projek-projek mega akan ditangguhkan dan bahawa semua projek penswastan baru dan pembelian barangna luar negeri akan dikaji semula.

Seorang penganalisis berkata: "Dana-dana Asing perlukan jaminan bahawa pasaran telah stabil sepenuhnya sebelum memasuki secara besar-besaran. Sungguhpun langkah-langkah kerajaan menuju ke arah yang betul, para pelabur mahu langkah-langkah itu dijadikan tindakan."

Keyakinan sedang menyerap semula dengan perlahan ke dalam pasaran berikutan pelancaran bon-bon Khazanah RM1 bilion yang merupakan sebahagian daripada pakej RM60 bilion yang diumumkan baru-baru ini untuk meningkatkan bursa tempatan.

Dana-dana tempatan adalah cergas, cuba menyokong pasaran sehingga pelabur-pelabur lain menyetainya kemudian, secara besar-besaran.

Ini dijangka akan berlaku selepas perjumpaan Anwar dengan pengurus-pengurus dana Khamis lalu diikuti perjumpaan yang serupa yang akan diadakan antara pengurus dana dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari Ahad.

Di pasaran ringgit, unit tempatan kelihatan menjadi semakin stabil kepada paras 2.95, pengerakannya mengekori perkembangan di pasaran saham.

Walaupun terdapat sentimen yang positif, para pelabur pasaran akan masih mengambil sikap meramal secara berhati-hati kerana mereka menjangka kejatuhan di Wall Street minggu depan.

Di BSKL, jumlah dagangan di papan utama lebih tinggi sedikit kepada 1.901 bilion saham bernilai RM8.433 bilion dari 1.802 bilion saham bernilai RM7.035 bilion minggu lalu.

Jumlah dagangan papan kedua mencatat 316.012 juta saham bernilai RM2.672 bilion berbanding 167.200 juta saham bernilai RM1.326 bilion sebelumnya.

Urusniaga langsung berjumlah 145.903 juta saham bernilai RM810.166 juta berbanding dengan 165.428 juta saham bernilai RM625.819 juta pada akhir minggu lalu.

Pembuat label pelekat sendiri terkemuka Komarkcorp Bhd, muncuk kali pertama pada hari Isnin dengan premium RM1.30 melebihi harga terbitannya RM3.70. kaunter itu ditutup hari Jumaat pada RM7.40.

Sementara itu, tiga kaunter digantung dalam minggu ini iaitu Tongkah, TSH Resources dan Pantai Hospital.

Commerce Asset Holdings mendahului 10 kaunter paling cergas naik 66 sen kepada RM4.06, diikuti Rekapacific yang menambah 25 sen kepada RM1.83, Renong tidak berubah pada RM3.34, Sime Darby meningkat 60 sen kepada RM7.30 dan Taiping naik 23 sen kepada RM1.52.

Sriwani menambah 10 sen kepada RM4.16, Anson naik 24 sen kepada RM4.28, Timwell meningkat RM5.50 menjadi RM12.80 manakala RHB Capital dan MRCB kedua-duanya naik 48 sen kepada masing-masing RM4.88 dan RM3.50.

Mengikut jumlah dagangan, Commerz menyumbang 66.010 juta saham diniagakan, Rekapacific 61.804 juta saham, Renong 56.204 juta saham, Sime Darby 54.530 juta, Taiping 41.570 juta, Sriwani 39.584 juta, Anson 37.057 juta, Timberwell 33.391 juta, RHB Capital 33.254 juta dan MRCB 32.086 juta saham.

Barangan pengguna menyumbang 143.638 juta saham diniagakan, barangan industri 220.046 juta saham, pembinaan 217.167 juta, dagangan/perkhidmatan 443.518 juta, infrastruktur 10.617 juta, kewangan 363.967 juta, hotel 8.505 juta, harta 240.065 juta, perladangan 40.284 juta, perlombongan 12.061 juta, amanah 1.727 juta, dana tertutup 1.055 juta dan stok pinjaman 205.733 juta saham. -- BERNAMA

SHO DVS OS